



JABATAN KETUA MENTERI
(UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA),
TINGKAT 10 & 11, WISMA BAPA MALAYSIA,
PETRA JAYA,
93502 KUCHING,
SARAWAK.

SEGERA

Telefon Am : 082-441957
Kawat : SUK KUCHING
Faks : 082-445618 (HRM)

SURAT PEKELILING

(Perj. Bil.14 /2004)

DARIPADA: Setiausaha Kerajaan Sarawak **KEPADA:** Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Setiausaha Tetap
Kementerian
Semua Residen

PERKARA: *State Public Service Commission (Delegation of Powers) Direction, 2004* **SALINAN**
KEPADA: Pengarah Audit Negeri

RUJUKAN: 30/EO/1668/3/T(2) **TARIKH:** 14 Jun 2004

Kerajaan Negeri telah membuat keputusan bahawa selaras dengan kuasa yang diberikan oleh Artikel 36(6), Perlembagaan Negeri Sarawak, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak telah menurunkan kuasa menerusi Arahan Penurunan Kuasa 2004 seperti berikut:-

2. Penurunan Kuasa Kepada Ketua Jabatan :

Sejajar dengan perenggan 2, Arahan Penurunan Kuasa 2004, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak telah menurunkan kuasa kepada Ketua Jabatan (termasuk Setiausaha Kerajaan Negeri atau Setiausaha Tetap Kementerian) :

- (a) untuk melantik mana-mana orang di dalam mana-mana jawatan (kecuali jawatan di bawah perkhidmatan gunasama) dalam Perkhidmatan Awam Negeri di Jabatan masing-masing bagi gred 27 dan ke atas (selain daripada jawatan Timbalan Pengarah atau Penolong Pengarah) sama ada jawatan bertaraf Tetap dan Berpencen, Tetap dan Tidak Berpencen, atau pelantikan secara Kontrak atau secara Sementara;
- (b) untuk menamatkan pelantikan perkhidmatan mana-mana pegawai yang dilantik disubperenggan (a) di atas yang masih di dalam tempoh percubaan;
- (c) untuk melanjutkan tempoh percubaan pegawai yang dilantik selama mana pelanjutan tempoh tersebut tidak melebihi tempoh yang telah disyaratkan di dalam Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri 1996 [*Swk. L.N.1/96*] ; dan
- (d) untuk melantik, dan untuk menamatkan pelantikan memangku atau menjalankan tugas mana-mana pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Negeri di Jabatan masing-masing (kecuali jawatan Timbalan Pengarah), sama ada

atau tidak menjalankan tugas jawatan hakiki pegawai tersebut, tetapi tidak melebihi 180 hari bekerja kecuali setelah mendapat kelulusan Suruhanjaya.

3. Penurunan Kuasa Kepada Setiausaha Kerajaan Negeri :

Sejajar dengan perenggan 3, Arahan Penurunan Kuasa 2004 tersebut juga, Suruhanjaya menerusi Artikel 36(1), Perlembagaan Negeri Sarawak telah menurunkan kuasa kepada Setiausaha Kerajaan Negeri :

- (a) untuk mengesahkan pelantikan mana-mana jawatan pegawai gred 27 dan ke atas (selain daripada jawatan yang dilantik di bawah Artikel 11 atau yang dilantik di bawah Artikel 36(4) Perlembagaan Negeri); dan
- (b) untuk menukar mana-mana pegawai awam Negeri dari satu Kementerian atau Jabatan ke Kementerian atau Jabatan yang lain atau sebaliknya, tanpa melibatkan penurunan pangkat.

4. Makluman dan Rekod

Sila ambil maklum bahawa setiap urusan pelantikan, penamatan, pengesahan dalam jawatan, pelanjutan tempoh percubaan atau pertukaran tempat bertugas selaras dengan perenggan 2 atau 3, hendaklah dimajukan salinan mengenainya kepada Suruhanjaya dan pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (bagi perkara di perenggan 2) untuk tujuan makluman, pemantauan dan rekod.


5. Pembatalan

Dengan berkuatkuasanya Arahan Penurunan Kuasa 2004 tersebut di atas, Arahan Penurunan Kuasa 1998 adalah dengan ini **dibatalkan**.

6. Tarikh Kuatkuasa

Arahan Penurunan Kuasa 2004 ini **berkuatkuasa mulai 17 Januari 2004**.

“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”



**[DATUK AMAR HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI HUSAIN]
Setiausaha Kerajaan
Sarawak.**